



kosmo 18/12/12 ms 8.

Bajet Perak tumpu lima fokus


Bajet 2013

Negeri Perak

 Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI
 syakir.sazili@kosmo.com.my

IPOH - Bertemakan 'Negeri Sejahtera, Rakyat Terbela', Bajet Perak 2013 yang dibentangkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir semalam memberi penekanan kepada lima fokus utama dalam usaha memakmur dan mensejahterakan rakyat Perak.

Ia meliputi penjanaaan aktiviti perniagaan dan memacu ekonomi; membentuk modal insan syumul dan membina generasi berjaya; memperkukuhkan infrastruktur dan kualiti kemudahan awam; mensejahterakan rakyat dan membina masa hadapan yang cemerlang.

Bajet melibatkan peruntukan RM948.47 juta itu antara lain memperuntukkan RM322.2 juta sebagai anggaran perbelanjaan pembangunan manakala RM626.27 juta bagi perbelanjaan mengurus.

Daripada RM322.2 juta itu, sebanyak RM84.2 juta (26.13 peratus) diperuntukkan untuk projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam dan RM82.89 juta (25.7 peratus) untuk program kesejahteraan rakyat.

Selain itu, katanya, sebanyak RM79.1 juta (24.55 peratus) diperuntukkan untuk penerusan program sedia ada, RM51.5 juta (16 peratus) untuk modal insan dan perkhidmatan awam manakala RM24.5



ZAMBRY (kanan) membentangkan Bajet Perak 2013 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri di Ipoh semalam.

juta (7.6 peratus) untuk perniagaan serta ekonomi.

"Satu aspek yang juga patut disebut ialah Bajet Perak 2013 memperuntukkan lebih 50 peratus daripada perbelanjaan pembangunan diagihkan secara langsung kepada program-program mensejahterakan serta meningkatkan keselesaan kehidupan rakyat.

"Ia mencerminkan keprihatinan serta komitmen kerajaan negeri diterajui Barisan Nasional terhadap kesejahteraan rakyat. Agihan ini berdasarkan kepada prinsip agihan keadilan yang menyampaikan hak kepada semua lapisan masyarakat dan serata meliputi segenap pelosok negeri Perak," katanya.

Zambry berkata, dengan usaha yang

lebih gigih dan kreatif, peruntukan pembangunan yang disediakan untuk tahun 2013 bertambah RM1.2 juta berbanding peruntukan pada Bajet Perak 2012.

"Walaupun pertambahan ini tidak begitu ketara namun terdapat beberapa program baharu yang akan dilaksanakan tahun depan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.8 juta," katanya.

Ia termasuklah pemasangan lampu jalan kampung dan bayaran bil (RM4 juta), persidangan dan seminar peringkat antarabangsa (RM3 juta), pelancongan (RM7 juta), tuisyen online (RM2.5 juta), peruntukan sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (RM2.2 juta) dan program pemetaan minda (RM3.5 juta).

Sebanyak RM500,000 pula diperuntukkan untuk program pencegahan jenayah, peruntukan sukan golongan kurang upaya (RM200,000) dan program pencegahan dadah (RM200,000).

"Selain itu, kerajaan negeri juga menambah peruntukan sebanyak RM7.85 juta untuk program-program sedia ada termasuklah bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyaksikan tambahan sebanyak RM2 juta dan mengurus Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (tambahan RM4 juta).

"Sebanyak RM500,000 ditokok bagi membaik pulih rumah ibadat bukan Islam, program pengupayaan mahasiswa (RM500,000), sumbangan kepada pusat jagaan anak yatim (RM750,000) dan peruntukan untuk pasukan Relu (RM100,000)," katanya.

Manfaat sedia ada diperluaskan

IPOH - Nasib golongan memerlukan termasuk rakyat miskin sentiasa menjadi keutamaan dan melalui Bajet Perak 2013, manfaat yang diterima akan terus dinikmati kelompok berkenaan malahan diperluaskan.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, kerajaan negeri bersetuju menambah peruntukan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM2 juta menjadi RM22.84 juta bagi membolehkan kadar bantuan minimum RM150 yang diterima ketika ini dikekalkan.

Selain itu, katanya, menyedari kediaman yang selesa dan selamat merupakan satu keperluan asas rakyat, kerajaan negeri akan meneruskan Program Bantuan Rumah dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

"Kerajaan negeri juga meneruskan Program Bantuan Barangan Makanan dengan peruntukan RM5 juta pada tahun 2013 dan dijangka seramai 5,000 keluarga tidak berkemampuan akan dapat dibantu setiap bulan melalui program ini.

"Melalui bajet ini juga, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta berbanding RM250,200 sebelum ini kepada 26 buah pusat jagaan anak yatim berdaftar. Ia akan memberi manfaat kepada 834 penghuninya kelak," katanya.

Katanya, Lembaga Air Perak (LAP) juga akan memperluaskan program tanggungjawab sosial



ZAMBRY (tengah) melihat risalah Bajet Perak 2013 yang diedarkan kepada orang ramai selepas membentangkan bajet tersebut pada Persidangan Dewan Undangan Negeri di Ipoh semalam.

agensi itu dengan membantu rakyat miskin melalui pemberian bekalan air pereuma sebanyak 20 meter padu sebulan.

"Sehingga tahun 2012, sebanyak 9,883 kediaman atau keluarga telah menikmati faedah ini melibatkan pemberian subsidi berjumlah RM3.32 juta.

"Bagaimanapun, mulai Januari 2013, LAP juga akan mengecualikan bayaran bil air bagi 20 meter padu pertama untuk semua rumah ibadat

Islam dan bukan Islam.

"Pengecualian ini akan dinikmati sekurang-kurangnya 1,998 buah surau, masjid, tokong, kuil, gereja dan gudwara di seluruh Perak," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan negeri akan meneruskan program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga yang memberi kemudahan pembiayaan kredit kepada belia yang ingin menceburi perniagaan di negeri ini dengan peruntukan RM1 juta.

Bajet Perak 2013 realistik, diterima

IPOH - Kerajaan Barisan Nasional (BN) Perak boleh membentangkan bajet surplus atau lebihan setiap tahun sekiranya menggunakan metodologi yang sama seperti kerajaan negeri pakatan pembangkang di Pulau Pinang dan Kedah.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, berbanding dua negeri pembangkang itu, kerajaan Perak menggunakan kaedah yang berbeza kerana turut memasukkan perbelanjaan pembangunan sebagai antara komponen utama dalam penyediaan bajet.

Namun, katanya, walaupun membuat pengiraan berdasarkan jumlah hasil tolak kos pengurusan sahaja, bajet kerajaan Pulau Pinang dan Kedah tetap mencatatkan defisit yang besar.

"Di Perak, kita campur semua iaitu perbelanjaan pengurusan dan pembangunan itu adalah jumlah kos kita dan pengiraan bajet kita berdasarkan hasil dikutip tolak kos pengurusan dan pembangunan.

"Namun, Pulau Pinang dan Kedah menggunakan kaedah hanya menolak kos pengurusan. Walaupun mereka mungkin belanja RM300 juta atau RM400 juta untuk pembangunan, itu tidak diambil kira dalam imbangan atau sistem menentukan bajet pada tahun berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas membentangkan Bajet Perak 2013 berjumlah RM948.47 juta dengan anggaran defisit sebanyak RM42.86 juta pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

Jelasnya, ini bukan kali pertama kerajaan negeri Perak menyediakan bajet defisit tetapi sejak 2008 sehingga 2012 lagi namun kesemuanya berakhir dengan beroleh lebihan pendapatan.

Menurut Zambry, kerajaan negeri tidak mahu mengambil pendekatan populis semata-mata dengan menyediakan bajet lebihan tetapi tidak mengambil kira kos sebenar perbelanjaan yang perlu ditanggung.

INFO Bajet Perak 2013

kosmo 18/2/12 ms 9

Perbelanjaan Pembangunan


RM322.2 Juta

Perbelanjaan Mengurus

RM626.27 Juta

Anggaran Hasil dan Terimaan Pembangunan

RM905.61 Juta



Program Kesejahteraan Rakyat dan Penerusan Program Sedia Ada

Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Modal Insan dan Perkhidmatan Awam

Perniagaan dan Ekonomi

- Aktiviti Budaya (Baharu)
- Peruntukan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- Sukan Orang Kelainan Upaya
- Masyarakat Bukan Islam
- Pengupayaan Generasi Muda
- Pengupayaan Mahasiswa
- Kesenambungan Program Kesejahteraan Rakyat
- Pengupayaan Orang Asli
- Koloni Karyawan Amanjaya
- Peruntukan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (Negeri Perak)
- Peruntukan Persatuan Bekas Polis Malaysia
- Peruntukan Pesara Kerajaan
- Masjid / Surau
- Rumah Ibadat Bukan Islam
- Perumahan Untuk Rakyat
- Pusat Kerjaya Aman Jaya (Peka)
- Pusat Jagaan Orang Tua
- NGO Wanita
- Penerusan Program-program sedia ada :
 - Elaun Tambahan dan Khas Bulanan Ketua Kampung
 - Elaun Tambahan dan Khas Bulanan Ketua Kampung (Kampung Baru)
 - Peruntukan Tahunan Setiap JKKK
 - Elaun Tambahan Bulanan Guru KAFA
 - Elaun Bilal dan Siak
- 20 m3 Air Percuma - Masjid/ Surau/Rumah Ibadat



7.6%
Perniagaan dan Ekonomi

RM500,000

RM5 juta

RM200,000

RM3.5 juta

RM2.0 juta

RM1.5 juta

RM79.11 juta

RM1.5 juta

RM1.0 juta

RM100,000

RM100,000

RM100,000

RM10.0 juta

RM4.5 juta

RM8.0 juta

RM2.2 juta

RM150,000

RM2.0 juta

RM250 seorang

RM150 seorang

RM3,000

RM200

RM200



Bajet 2013

Negeri Perak



16%
Pembangunan Modal Insan dan Perkhidmatan Awam

- Majlis Transformasi Agensi-Agensi Negeri Perak **RM3.5 juta**
- Pemberian Khas Sijil Amanah Saham Wawasan Kepada Bakal Pesara Sebanyak **RM3,000** Seorang. (Pencapaian sehingga kini sebanyak 184 pesara telah menerima Sijil Saham Amanah berjumlah **RM552,000.00**)
- Program Mengantarabangsakan Negeri Perak melalui penganjuran konvensyen antarabangsa dan kejohanan sukan antarabangsa **RM6 juta**
- Menaiktaraf Kisdar ke KUISAS **RM12 juta**
- Peruntukan Untuk KUISAS **RM4 juta**
- Asrama Amanjaya Harmoni (ASAH) **RM2.8 juta**
- Peruntukan Untuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) (Melibatkan 1,100 PIBG di seluruh Perak) **RM2.2 juta**




50.27%

Program Kesejahteraan Rakyat dan Penerusan Program Sedia Ada

- Bantuan Am Kebajikan Masyarakat **RM22.84 juta**
- Bantuan Rumah **RM5 juta**
- Bantuan Makanan **RM5 juta**
- Bantuan Anak Yatim **RM1 juta**
- Wang Tunai Perayaan **RM1 juta**
- Khairat Kematian (ganti Tabarak) **RM3 juta**
- Kluster Ekonomi Keluarga **RM1 juta**
- Mikro Kredit Amanjaya Belianiaga **RM1 juta**
- Rela **RM300,000**
- Program Pembanterasan Jenayah **RM500,000**
- Pencegahan Dadah **RM200,000**
- Kawasan Rukun Tetangga **RM500,000**

- Pembangunan Pertanian **RM8.5 juta**
- Penternakan **RM9 juta**
- Pelancongan **RM7 juta**



26.13%

Infrastruktur dan Kemudahan Awam

- Jalan dan Jambatan **RM38 juta**
- Projek Bangunan **RM27 juta**
- Tebatan Banjir dan Saliran Bandar **RM9.8 juta**
- Pengurusan dan Pemuliharaan Sungai **RM1.5 juta**
- Lampu Jalan Kampung **RM4 juta**
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **RM2.7 juta**
- Naik Taraf Pengairan dan Saliran **RM1.2 juta**

- Program Tuisyen Online (Menggantikan Program Tuisyen Gemilang) **RM2.5 juta**
- Maahad Tahfiz **RM4.5 juta**
- Kumpulan Wang Biasiswa Anak Melayu dan Bukan Melayu Negeri Perak **RM5 juta**
- Pemetaan Minda **RM3.5 juta**
- Sekolah Agama Rakyat **RM3 juta**
- SMJKC dan Sekolah Mubaligh **RM2 juta**
- SJKC dan SJKT (Utiliti) **RM1 juta**
- Tabung Khas Pendidikan Anak-anak Kaum India **RM1 juta**
- Kecemerlangan Murid Orang Asli **RM500,000**

